

Syor PM diberi pengiktirafan 'Bapa Malaysia Moden'

(P)

UM 2 - JUN 1991

KUALA LUMPUR 1 Jun — Menteri Penerangan, Dato' Mohamed Rahmat hari ini mengesyorkan supaya Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad diberi pengiktirafan sebagai 'Bapa Malaysia Moden' kerana jasa - jasa beliau memajukan negara ini.

Menurutnya, dalam 10 tahun perkhidmatan Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad, beliau jelas telah banyak memberi idea - idea dan usaha yang memodenkan Malaysia.

"Saya fikir pengiktirafan ini wajar diberikan kepada Perdana Menteri kerana apa yang beliau usahakan itu kini sudah menampakkan hasilnya," tegasnya di majlis perasmian Kompleks Studio Merdeka FINAS di Hulu Klang dekat sini.

Beliau juga menasihatkan FINAS supaya memper-

tingkatkan usaha memajukan industri perfileman selaras dengan wawasan menjadikan Malaysia sebuah negara maju pada tahun 2020.

Katanya, perasmian Kompleks Studio FINAS hari ini merupakan satu titik sejarah bagi dunia perfileman tempatan dan amat besar ertinya bagi FINAS yang sudah berusia 10 tahun.

Dengan adanya kompleks ini, katanya, para karyawan kini dapat meningkatkan mutu filem - filem yang dikeluarkan kerana ia menawarkan segala kemudahan yang moden.

"Pendek kata, kemudahan yang disediakan di kompleks ini merupakan yang paling moden di rantau ini," tambahnya.